

BUTTERWORTH, 1 OKT. (BERNAMA) -- SEORANG AHLI MAJLIS KERJA TERTINGGI UMNO MALAYSIA, DR. MAHATHIR BIN MOHAMED BERKATA KERAJAAN SEDANG MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH YANG BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MEMBANYAKKAN LAGI ANAK-ANAK BUMIPUTERA MENDAPATKAN PELAJARAN TINGGI.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP DI PERAYAAN DARI KEBANGSAAN DAN MAJLIS DAILOG ANJURAN BIPO SUKAN DAN KEBUDAYAAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN SEBERANG PEPAI UTARA DI BANGUNAN UMNO BAHAGIAN ITU DI SINI SEMALAM.

KATANYA, KERAJAAN SEDANG BERUSAHA MEMBERIKAN LEBIH BANYAK LAGI BIASISWA-BIASISWA KEPADA BUMIPUTERA SAMAADA DI UNIVERSITI - UNIVERSITI DALAM DAN LUAR NEGEPI DENGAN TUJUAN HENDAK MEMPERSEM-BANGKAN PELAJAR-PELAJAR BUMIPUTERA DENGAN PELAJAR LAIN.

BELIAU LALU MENGGESA AHLI-AHLI UMNO SUPAYA MEMBERIKAN SEPENUH GALAKKAN KEPADA ANAK-ANAK MERKA DAN MEREBUT PELUANG-PELUANG YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN DALAM BIDANG PELAJARAN. -- BERSAMBONG

TERDAHULU DARI ITU, KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN ITU, HAJI HASSAN BIN NOH BERKATA PERGERAKAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN SEDANG MELANCARKAN SATU PROJEK PERTANIAN MENANAM TEDU DI KAWASAN TANAH SELUAS EMPAT EKAR DI KAMPUNG SELAMAT, TASEK GLUGOR, DEKAT SINI.

LANGKAH ITU BERTUJUAN MEMBERI PELUANG KEPADA AHLI-AHLI PERGERAKAN TERSEBUT MENGAMBIL BAHAGIAN CERGAS DALAM BIDANG PERTANIAN UNTUK MEMBANYAKKAN LAGI PENDAPATAN KEPADA TABUNG PERGERAKAN TERSEBUT.

TANAH TERSEBUT TELAH DIHADIAHKAN OLEH SALAH SEORANG AHLI JAWATANKUASA KERJA PERGERAKAN PEMUDA UMNO BAHAGIAN ITU, HAJI HASHIM BIN HITAM UNTUK DIUSAYAKAN SELAMA EMPAT TAHUN.

BELIAU BERKATA SEKARANG INI SE AKHIR PATAH GOLONGAN INTELEK DAN BELIA MENCEBORKAN DIRI DALAM PERGERAKAN ITU SEJAK BEBEPAPA BULAN LALU

INI MENJADI SATU PERTANDA YANG BAIK UNTUK MEMPERKESAKAN LAGI KEGIATAN-KEGIATAN PERGERAKAN ITU DALAM SEGALA BIDANG TERUTAMA SEKALI PELAJARAN, POLITIK DAN EKONOMI. -- BERNAMA

1155/AZ